
Soalan 1-25

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

Soalan 1 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

1. Hanisah sedang asyik menonton televisyen di _____ rumahnya.


   A ruang keluarga

   B ruang makan

   C ruang tamu

   D ruang dapur

Soalan 2 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

2. "Pak Seman menggunakan _____ untuk menebang sebatang pokok rambutan yang berdekatan dengan rumahnya". Kata Samad kepada adiknya.

   A pisau

   B parang

   C gergaji

   D kapak

LIVEWORKSHEETS

3 _____ berikrar untuk melakukan apa sahaja yang terdaya bagi menjayakan majlis itu.

A Aku

B Saya

C Awak

D Anda

4 "Sekiranya tidak ada apa-apa perubahan, _____ikutlah jadual yang telah diberikan tadi", Kata Cikgu Rahman kepada murid-muridnya.


A kalian

B kamu

C anda

D kita

Soalan 5 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

5 Kuda itu berlari dengan _____ untuk mengelakkan diri daripada ditanduk oleh kerbau.

A pelahan


B pantas

C cepat

D laju

LIVEWORKSHEETS

Soalan 6 berdasarkan Gambar 4



Gambar 4

6 Sungguhpun bayi itu _____ tetapi telah ditinggalkan oleh ibu bapanya.

A comot

B cantik

C comel

D molek

Soalan 7 berdasarkan Gambar 5



Gambar 5

7. Sazali, Kamal dan Yahya berlatih _____sambil bermain alat muzik untuk menyertai Pertandingan Bintang Kecil di sekolahnya.

A menari

B menjerit

C menangis

D menyanyi

LIVEWORKSHEETS

Soalan 8 berdasarkan Gambar 6



Gambar 6

8 Tun Haji Abdul Razak bin Husin ialah Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Beliau berasal _____ negeri Pahang.

A pada

B dari

C kepada

D daripada

9 Zaiton menulis surat _____ sahabatnya yang sedang belajar di Universiti Malaya.

A bagi

B untuk

C kepada

D daripada

10 Murid-murid dinasihatkan belajar bersungguh-sungguh _____ berjaya dalam pelajaran.

A oleh

B hingga

C sambil

D supaya

LIVEWORKSHEETS

11 Saleh berlari _____ menjinjing beg plastik berisi buah-buahan kerana dikejar oleh anjing.

A sambil

B dengan

C seraya

D dan

12 "Saya _____ membeli sepasang baju kurung", kata Melati kepada Puteri.

A harus

B dapat

C boleh

D hendak

13 Cincin berlian yang dipamerkan di kedai emas itu _____ tinggi nilainya.

A amat

B benar

C nian

D agak

14 Kamu _____ perlu menekan suis yang berwarna hijau untuk menggerakkan mesin pemotong kayu itu.

A jua


B hanya

C sahaja

D memang

LIVEWORKSHEETS

Soalan 15 berdasarkan Gambar 7



Gambar 7

15 Ramli terpaksa berakit di _____ jambatan Sungai Jelai untuk pergi ke kebunnya.

A bawah

B tengah

C atas

D tepi

16 Rosdah membeli sebuah kereta _____ di Kuala Lumpur dengan harga RM15,000.

A terlaris

B terbaru

C terbuang

D terpakai

LIVEWORKSHEETS

Soalan 17 berdasarkan Gambar 8



Gambar 8

17 Ibu menyediakan_____ sempena Hari Raya Aidilfitri.

A Lauk-pauk

B kuih-muih

C sayur-mayur

D buah-buahan

Soalan 18 berdasarkan Gambar 9



Gambar 9

18 Terdapat _____ pondok buruk di hujung kampung itu.

A sebiji


B sebuku

C sebuah

D sebatang

LIVEWORKSHEETS

Soalan 19 berdasarkan Gambar 10



Gambar 10

19 Setiap minggu, adik Hashim mengelap cermin tingkap biliknya dengan menggunakan _____ tuala.

A sehelai

B secarik

C selembar

D sekeping

20 Suhaila berasa _____meninggalkan ayahnya yang sakit tenat di rumah seorang diri.

A jauh hati

B berat hati

C besar hati

D berkat hati

21 Setelah berjaya dalam perniagaannya, Ahmad telah melupakan jasa ibu bapanya. sikap Ahmad _____.

A bagai menatang minyak yang penuh.

B seperti kacang lupakan kulit

C bagai kaduk naik junjung

D seperti aur dengan tebing.

LIVEWORKSHEETS

22 Kasim seorang murid yang lemah dalam pelajaran, _____ dia sentiasa berusaha untuk berjaya.

A namun begitu

B selain itu

C walaupun

D sekiranya

23 Rejab mengambil kesempatan untuk melarikan diri daripada penculik yang sedang tidur.

Perkataan seerti bagi kesempatan ialah

A peluang

B peranan

C kehendak

D kesanggupan

24 _____kah yang menjadi johan dalam Pertandingan Pidato Diraja Peringkat Negeri Pahang Tahun 2007 yang lalu?

Pilih **kata tanya** yang sesuai bagi ayat tanya di atas

A Apa

B Bila

C Siapa

D Mengapa

25 Siapakah yang bercakap dengan kamu sebentar tadi?

Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya di atas.

A Saya tidak dengarlah.

B Saya tidak boleh bercakap.

C Saya bercakap dengan kamu tadi.

D Salmah yang bercakap dengan saya tadi.

LIVEWORKSHEETS